

Puteri UMNO lancar Tabung Bencana Asia Barat

BALING 4 Ogos - Pergerakan Puteri UMNO hari ini melancarkan Tabung Bencana Asia Barat bagi mengutip dana bertujuan membantu mangsa keganasan Israel di Lebanon dan Palestin.

Tabung itu dilancarkan oleh Ketua Puteri UMNO, Datuk Noraini Ahmad (*gambar*) pada persidangan Puteri UMNO Bahagian Baling di Dewan Masjid Ridzuaniah di sini.

Hadir sama pada majlis pelancaran itu ialah Ketua Puteri UMNO Kedah, Shahanim Mohd. Yusoff.

Noraini ketika ditemui berkata, semua bahagian pergerakan Puteri akan digerakkan untuk mengumpul dana bagi Tabung Bencana Asia Barat.

Menurut beliau, walaupun sebahagian besar ahli pergerakan itu tidak terlibat dalam demonstrasi menentang keganasan Israel tetapi penubuhan tabung tersebut membuktikan Puteri UMNO prihatin terhadap ma-



sarakat di Asia Barat.

"Cara Puteri UMNO melahirkan keprihatinan kepada Lebanon dan Palestin adalah berbeza iaitu melalui kutipan tabung dan penghantaran memorandum kepada pihak yang berkenaan," katanya.

Beliau bagaimanapun tidak melarang ahli-ahli pergerakan itu melibatkan diri dalam demonstrasi menentang keganasan Israel yang sedang memuncak di seluruh negara pada masa ini.

Noraini turut melahirkan kekecewaannya terhadap kuasa-kuasa besar terutama Amerika Syarikat dan Britain yang tidak mengambil inisiatif untuk meredakan ketegangan di Asia Barat.

Sehubungan itu, tegasnya, dunia tidak lagi perlu mengharapkan bantuan kuasa-kuasa besar sebaliknya mengambil inisiatif dengan menyalurkan sendiri bantuan kepada Lebanon dan Palestin.